

Aplikasi MyKitarSemula []

Kenapa aplikasi ini dibina?

- Setiap rumah kediaman sudah pasti memiliki bahan kitar semula, yang dikumpulkan sehingga menyempitkan ruang rumah, berakhir dengan peralupusan (buang, bakar & tanam) yang sia – sia.
- Wujud permintaan terhadap bahan kitar semula namun tiada sambutan menggalakkan daripada masyarakat.
- Urus niaga berkaitan kitar semula sering kali tergendala apabila ketiadaan kenderaan pengangkutan bagi urusan mengambil atau menghantar barang.
- Tiada *one service centre* berkaitan kitar semula.




Oleh itu, **Aplikasi MyKitarSemula** dibina sebagai satu platform yang menghubungkan Penjual, Pembeli dan Penghantar bagi menjalankan urus niaga berkaitan bahan kitar semula.

Apakah manfaat aplikasi ini?

- ✓ **Menjana Pendapatan** – Bahan kitar semula merupakan sumber yang boleh diperbaharui. Melalui aplikasi ini, penjualan bahan kitar semula bagi memperoleh wang memberi peluang kepada masyarakat menjana pendapatan tambahan. Disamping itu, persekitaran yang bersih dan indah dapat dicapai.
- ✓ **Mewujudkan Peluang Pekerjaan** – Urus niaga berkaitan bahan kitar semula bukan sahaja melibatkan pihak Penjual dan Pembeli, malah kadang kala memerlukan **Penghantar** bagi melengkapkan proses urus niaga. Dengan menambah elemen Penghantar, secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat.
- ✓ Membantu SWCorp Malaysia meningkatkan kadar kitar semula negara kepada tahap **40% menjelang tahun 2025**.



Situasi #1 – Seorang suri rumah telah mengumpul bahan kitar semula seperti botol plastik, kaca, aluminium, minyak terpakai dan bermacam - macam lagi dengan harapan dapat menjualnya. Bagaimanakah aplikasi ini dapat membantu suri rumah tersebut?

1. Gunakan Aplikasi MyKitarSemula
2. Isi maklumat berkaitan bahan kitar semula pada Tab **Penjual**
3. Maklumat anda sedia diiklankan






Situasi #2 – Sebuah syarikat yang menghasilkan botol memerlukan sumber bahan kitar semula bagi menjamin produktiviti syarikat pada harga yang kompetitif. Bagaimana caranya untuk syarikat mendapatkan sumber bahan kitar semula?

1. Gunakan Aplikasi MyKitarSemula
2. Isi maklumat berkaitan bahan kitar semula pada Tab **Pembeli**
3. Maklumat anda sedia diiklankan




Situasi #3 – Seorang pengusaha kenderaan sewa ingin memperluaskan prospek perniagaannya, mungkin dalam perniagaan penghantaran barang. Bagaimana pengusaha tersebut mendapatkan peluang / mengiklankan perniagaannya?

1. Gunakan Aplikasi MyKitarSemula
2. Isi maklumat berkaitan perkhidmatan penghantaran pada Tab **Penghantar**
3. Maklumat anda sedia diiklankan



Bagaimana aplikasi ini berfungsi?



Situasi #4 – Anda mahu membina perniagaan berteraskan bahan kitar semula? Jangan lepaskan peluang ini. Hubungi kami. Kami mempunyai data terperinci berkaitan bahan kitar semula di seluruh Malaysia.

1. Gunakan Aplikasi MyKitarSemula
2. Hubungi Kami pada Tab **Konsultasi**

